



كوڤراسي ڱورو ملايو كلنتن برحد  
**KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD**

**CATATAN MINIT  
MESYUARAT AGUNG KAWASAN  
MACHANG**

**TARIKH : 20 MEI 2023 (SABTU)  
TEMPAT : SEK MEN KEB BANDAR MACHANG  
MASA : 9.00 PAGI**

**ATURCARA  
MAJLIS MESYUARAT AGUNG KAWASAN**

- 9.00 Pagi : Pendaftaran
- 10.00 Pagi : Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan bacaan doa.
- : Ucapan Pengerusi Lembaga
- 10.30 Pagi : Mesyuarat dimulakan mengikut agenda.
1. Memilih seorang Pengerusi Mesyuarat.
  2. Memilih seorang Setiausaha Mesyuarat.
  3. Menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke-14 Tahun 2021
  4. Menimbang Laporan Lembaga 2022.
  5. Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke- 28 tahun 2023.
  6. Menimbang draft akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi Berakhir 31 Disember 2022.
  7. Menimbang belanjawan tahunan bagi tahun 2024 semakan 2023 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-28 Tahun 2023.
  8. Menimbang cadangan pindaan kepada Undang – Undang Kecil dan Aturan – Aturan Aktiviti Koperasi jika ada.
  9. Menimbang dan meluluskan usul daripada Lembaga dan Anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.

## **AGENDA**

1. Memilih seorang Pengerusi Mesyuarat.
2. Memilih seorang Setiausaha Mesyuarat.
3. Menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke-14.
4. Menimbang Laporan Lembaga 2022.
5. Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-28 Tahun 2023.
6. Menimbang draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2022.
7. Menimbang belanjawan tahunan bagi tahun 2024 semakan 2023 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Kali Ke-28 Tahun 2023.
8. Menimbangkan cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti Koperasi jika ada.
9. Menimbang dan meluluskan usul daripada Lembaga dan Anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.

## CATATAN MINIT MESYUARAT AGUNG KAWASAN KAWASAN MACHANG

Tarikh : 20 Mei 2023  
Tempat : Sek Men Keb Bandar Machang  
Masa : 9.00 pagi

### 1. Kehadiran :

1.1 Pengerusi Lembaga : Tn. Hj. Mohd Rofi b Mohd Zain  
Setiausaha : Tn. Hj. Mat Kait b Abdullah  
Bendahari : Tn. Hj. Zulkarnain b Mohamed  
Timb. Pengerusi : Tn. Hj. Che Husin b Che Soh  
Rimb. Setiausaha : Tn. Hj. Ismail b Salleh  
Timb. Bendahari : En. Asmadi b Omar  
ALK : En. Mohamed Zainy b Mohamed Zain  
: En. Mdzlan b Mamat  
: En. Salbani b Ishak  
: En. Wan Rosmadi b Wan Salleh  
: Tn. Hj. Shapei b Abu Bakar  
: Tn. Hj. Kamarudin b Mohamad  
: Tn. Hj. Ahmad Yani b Muhammad

JAD : En. Azman Shah b Mat  
: En Rusdi b Mamat  
: Tn. Hj. Shamshudin b Yusoff  
: Tn. Hj. Shariff b Hamzah  
: Tn. Hj. Othman b Mat Zin

2.2 Anggota : 346 orang

### 3. UCAPAN PENERUS LEMBAGA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Ybrs. Pengacara Majlis,  
Yang dihormati barisan ALK dan JAD,  
Semua anggota Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad Kawasan Machang termasuk anggota yang berada di luar negeri Kelantan yang berkesempatan hadir dalam mesyuarat kali ini.

Terima kasih juga kepada pihak Jawatankuasa Persiapan Tempat, Unit ICT ANGKASA yang mengendalikan urusan pendaftaran dan pengundian dan semua yang terlibat.

Terima kasih kepada Tuan Pengetua SMK Bandar Machang yang membenarkan kita menggunakan dewan pada pagi ini dan mengambil kesempatan mengucapkan Selamat hari Raya Aidilfitri.

Memberi peluang kepada anggota untuk melihat kejayaan dan pencapaian koperasi. Semua anggota juga berpeluang memberi cadangan, pandangan dan penambahbaikan untuk meningkatkan lagi pendapatan koperasi.

Semua ALK, JAD dan pekerja sentiasa komited dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab dan sentiasa membuat keputusan bersama. Memperkenalkan barisan ALK dan JAD.

Koperasi masih berada di dalam senarai 100 koperasi terbaik yang mana berada di tangga ke 58 pada tahun 2022 manakala berada di tangga ketiga di negeri Kelantan.

Aktiviti-Aktiviti yang dijalankan oleh koperasi :

- Kredit
  - pelbagai jenis produk pembiayaan yang disediakan
  - meminta agar semua anggota mengambil peluang membuat pembiayaan dengan koperasi
- TKA
  - Tabung untuk kebajikan anggota seperti masuk wad, bersara, penyakit kritikal, kematian, bencana alam dan lain-lain lagi
  - Masih terdapat anggota yang terlepas dengan maklumat tabung ini
- KWBD
  - Tabung untuk dermasiswa dan kecemerlangan untuk pendidikan anak dan juga anggota seperti kecemerlangan bermula dari peringkat SPM 8A dan ke atas sehingga ke peringkat Ijazah. Selain itu ada juga untuk kecemerlangan tahfiz (30 jujuk), PHD dan juga master
- Kedai Tayar
  - Menyediakan servis dan perkhidmatan tukar tayar, brek, enjin dan lain-lain yang berkaitan dengan baikpulih kenderaan
- Hartanah
  - Membuat aktiviti pembinaan rumah dan kemudian dijual dan juga jualan tanah-tanah lot.

- Tanah koperasi di Cherang Tuli ada sebahagiannya diambil oleh kerajaan untuk pembangunan ECRL dan telah pun dibayar kepada koperasi hampir RM500,000.00.
- Ar-Rahn
  - Sekarang terdapat 3 cawangan Ar-Rahn iaitu di Kota Bharu, Melor dan Tumpat dan cawangan keempat akan dibuka di Kg Raja, Besut
  - Ingin buka disemua daerah tetapi perlu mendapat kelulusan daripada PKB terlebih dahulu
  - Aktiviti Ar-Rahn ini memberi keuntungan kepada koperasi
- Hotel
  - Sentiasa mengalami kerugian dan mungkin selepas ini akan berbincang untuk ke arah diberi sewa dan koperasi akan dapat pulangan atas sewaan.
- BGSB
  - Anak syarikat milik koperasi yang menawarkan pembiayaan bagi pembelian perabot, motosikal, barangan elektrik, cukai jalan
  - Pembekal air mineral serta ejen insurans takaful dan yang terbaru adalah pakej umrah

Zakat koperasi telah pun diagihkan kepada pihak MAIK sebanyak RM400,000.00 dan juga diagihkan kepada golongan asnaf di 9 kawasan.

Keuntungan koperasi tahun 2022 adalah RM3.7 juta iaitu melebihi keuntungan tahun 2021 dan berharap keuntungan koperasi sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Manakala dividen yang akan diagihkan pada tahun 2022 juga meningkat daripada tahun sebelumnya iaitu 4.0% berbanding tahun 2021 sebanyak 3.2%. Dividen ini akan dibayar setelah selesai mesyuarat agung perwakilan nanti.

Berharap semua anggota yang hadir pada hari ini dapat menyampaikan dan menyebarkan maklumat koperasi kepada anggota di luar sana agar perihatin dengan aktiviti dan perkembangan koperasi untuk kebaikan bersama.

Mesyuarat Kawasan Machang kali ini tiada pemilihan perwakilan dan mengucapkan tahniah kepada semua calon yang akan mewakili anggota di dalam kawasan ini ke Mesyuarat Agung Perwakilan nanti

Terima kasih sekali lagi kepada semua yang hadir dan menjayakan mesyuarat agung kawasan Machang pada hari ini.

## **AGENDA**

### **AGENDA 1 : Memilih seorang Pengerusi Mesyuarat**

- 1.1 Pengacara Majlis menjelaskan Pengerusi Mesyuarat Agung Kawasan ini hendaklah dipilih oleh Majlis Mesyuarat dari kalangan Anggota Koperasi yang hadir.
- 1.2 Hj. Shariff b Hamzah (011556) mencadangkan Hj. Mohamad b Junus (005968) sebagai Pengerusi Mesyuarat dan disokong oleh Pn. Hasmin Marina bt Abdul Rahman (010228).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

### **AGENDA 2 : Memilih seorang Setiausaha Mesyuarat**

- 2.1 Pengacara Majlis juga menjelaskan bahawa Setiausaha Mesyuarat Agung Kawasan ini hendaklah dipilih oleh Majlis Mesyuarat dari kalangan Anggota Koperasi yang hadir.
- 2.2 Hj. Shariff b Hamzah (011556) mencadangkan En. Mohd Zurhan b Nordin (013582) sebagai Setiausaha Mesyuarat dan disokong oleh Pn. Hasmin Marina bt Abdul Rahman (010228).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

### **AGENDA 3 : Menerima dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke -14/2021**

- 3.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga, Hj. Mat Kait b Abdullah membentangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan kali ke-14/2021.
- 3.2 Hj. Mat Kait b Abdullah membentangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan kali ke-14/2021 dari muka surat 1 hingga muka surat 11 untuk diterima dan disahkan.
- 3.3 Pn. Nor Azzah bt Yusoff (018034) mencadangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan kali ke-14/2021 diterima dan disahkan, disokong oleh En. Khairul Anuwar b Abd Wahab (013052).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

### **AGENDA 4 : Menimbang Laporan Lembaga 2022**

- 4.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga, Hj. Mat Kait b Abdullah untuk membentangkan draf Laporan Lembaga bagi Tahun 2022.
- 4.2 Hj. Mat Kait b Abdullah membentangkan draf Laporan Lembaga bagi Tahun 2022 bermula dari muka surat 1 hingga muka surat 45.
- 4.3 Pn. Noorizan bt Nor (021042) mencadangkan draf Laporan Lembaga bagi tahun 2022 diterima dan disahkan, disokong oleh En. Azme b Hussain (012375).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

**AGENDA 5 : Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 28/2023**

- 5.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Pengerusi JK Pemilihan, Hj. Che Husin b Che Soh untuk memberi penerangan tentang cara pemilihan dan tatacara pemilihan.
- 5.2 Hj. Che Husin b Che Soh mengumumkan sebanyak 22 borang yang diterima sehingga tarikh tutup pencalonan dan telah menang tanpa bertanding. Namun, beliau memberitahu semua calon perlu hadir dan tampil ke hadapan semasa sesi memperkenalkan diri calon. Calon yang namanya dipanggil sebanyak tiga kali akan terbatal pencalonannya secara automatik jika tidak tampil ke hadapan semasa namanya dipanggil. Calon-calonnya adalah seperti berikut :

BIL	NO CALON	NO. ANGGOTA	NAMA	ALAMAT
1	1	017553	WAN MUD B WAN YUSOFF	SK PALOH RAWA
2	2	018034	NOR AZZAH BT YUSOFF	SK MACHANG 2
3	3	013052	KHAIRUL ANUWAR BIN ABD WAHAB	SK MACHANG 2
4	4	012143	AHMED B MAHMOOD	LOT PTB 1308 TAMAN DAMAI, MACHANG
5	5	014252	WAN MOHD AMIN B WAN MOHAMMAD	SK MACHANG 2
6	6	016836	ISKANDAR B ISMAIL	SK PANGKAL JENEREH
7	7	19868	SAKINAH BT HARUN	SK MACHANG 1
8	8	012375	AZME B HUSSAIN	SK TEMANGAN
9	9	007896	RUSLI BIN CHE LAH	LOT PT 2932 KG KEPAS, MACHANG
10	10	009769	SUZYLAITON BT ISMAIL	PPD MACHANG
11	11	005968	HJ MOHAMAD B JUNUS	LOT PT(B) 847, KG KEPAS BARU, MACHANG
12	12	020596	AZIZI BIN AB RAHMAN	SK HAMZAH 2
13	13	018585	AZHAR BIN ARIPIIN	SK HAMZAH 2
14	14	015696	CHE HUSIN B HARON	SK HAMZAH 2
15	15	019857	AHMAD SHUKRI BIN ISMAIL	PPD MACHANG
16	16	009003	PAUZI B JUSOH	PT 2268 KG. GALANG, PULAI CHONDONG
17	17	015362	AZMI B DAUD	LOT PT 3353 TAMAN GURU, JALAN KOLAM ABU, MACHANG
18	18	020096	AHMAD SYARAFI BIN MOHD ZAIN	PPD MACHANG
19	19	013582	MOHD ZURHAN BIN NORDIN	PPD MACHANG



20	20	011556	SHARIFF B HAMZAH	PT 974, KG. PANGKAL PETAI DALAM, MACHANG
21	21	009985	HASSAN B YAHYA	SMK SERI INTAN
22	22	011305	MOHD ADZLAN B OMAR	PPD MACHANG

- 5.3 Seterusnya, beliau mengumumkan seorang calon yang tidak dapat hadir namun telah mengemukakan surat kepada JK Pemilihan dan pencalonannya diterima iaitu :

NO. CALON	NO. ANGGOTA	NAMA	ALAMAT
4	012143	AHMED B MAHMOOD	LOT PTB 1308 TAMAN DAMAI, MACHANG

- 5.4 Pengerusi JK Pemilihan mengumumkan calon-calon perwakilan yang menang tanpa bertanding bagi kawasan Machang adalah seperti berikut :

BIL	NO. ANGGOTA	NAMA	ALAMAT
1	017553	WAN MUD B WAN YUSOFF	SK PALOH RAWA
2	018034	NOR AZZAH BT YUSOFF	SK MACHANG 2
3	013052	KHAIRUL ANUWAR BIN ABD WAHAB	SK MACHANG 2
4	012143	AHMED B MAHMOOD	LOT PTB 1308 TAMAN DAMAI, MACHANG
5	014252	WAN MOHD AMIN B WAN MOHAMMAD	SK MACHANG 2
6	016836	ISKANDAR B ISMAIL	SK PANGKAL JENEREH
7	19868	SAKINAH BT HARUN	SK MACHANG 1
8	012375	AZME B HUSSAIN	SK TEMANGAN
9	007896	RUSLI BIN CHE LAH	LOT PT 2932 KG KEPAS, MACHANG
10	009769	SUZYLAITON BT ISMAIL	PPD MACHANG
11	005968	HJ MOHAMAD B JUNUS	LOT PT(B) 847, KG KEPAS BARU, MACHANG
12	020596	AZIZI BIN AB RAHMAN	SK HAMZAH 2
13	018585	AZHAR BIN ARIPIN	SK HAMZAH 2
14	015696	CHE HUSIN B HARON	SK HAMZAH 2
15	019857	AHMAD SHUKRI BIN ISMAIL	PPD MACHANG
16	009003	PAUZI B JUSOH	PT 2268 KG. GALANG, PULAI CHONDONG
17	015362	AZMI B DAUD	LOT PT 3353 TAMAN GURU, JALAN KOLAM ABU, MACHANG

18	020096	AHMAD SYARAFI BIN MOHD ZAIN	PPD MACHANG
19	013582	MOHD ZURHAN BIN NORDIN	PPD MACHANG
20	011556	SHARIFF B HAMZAH	PT 974, KG. PANGKAL PETAI DALAM, MACHANG
21	009985	HASSAN B YAHYA	SMK SERI INTAN
	011305	MOHD ADZLAN B OMAR	PPD MACHANG

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

**AGENDA 6 : Menimbang draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2022.**

- 6.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Bendahari, Hj. Zulkarnain b Mohamed untuk membentangkan draf akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2022.
- 6.2 Hj. Zulkarnain b Mohamed memaklumkan penyata kewangan yang akan dibentangkan ini adalah akaun yang sudah diaudit dan seterusnya membentangkan akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2022 bermula daripada muka surat 1 sehingga muka surat 61.
- 6.3 En. Ahmad Syarafi b Mohd Zain (020096) mencadangkan supaya penyata akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2022 diterima dan disahkan, disokong oleh En. Rusli b Che Lah (007896).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

**AGENDA 7 : Menimbang Belanjawan Tahunan Bagi Tahun 2024 Semakan 2023 Untuk Dibentang Dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-28/2023**

- 7.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Bendahari, Hj. Zulkarnain b Mohamed untuk membentangkan Belanjawan Tahunan bagi tahun 2024 semakan 2023 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-28/2023.
- 7.2 Hj. Zulkarnain b Mohamed membentangkan Belanjawan Tahunan bagi tahun 2024 semakan 2023 untuk dibentang Dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-28/2023 dari muka surat 1 hingga muka surat 10.

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

**AGENDA 8 : Menimbang cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti Koperasi jika ada.**

- 8.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga, Hj. Mat Kait b Abdullah untuk membentangkan cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti Koperasi jika ada.
- 8.2 Hj. Mat Kait b Abdullah menjelaskan tiada pindaan kepada Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti Koperasi jika ada.

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara..

**AGENDA 9 : Menimbang dan meluluskan usul daripada Lembaga dan Anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.**

- 9.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga, Hj. Mat Kait b Abdullah untuk membentangkan usul daripada Lembaga dan Anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.
- 9.2 Hj. Mat Kait b Abdullah menjelaskan bahawa tiada usul yang diterima daripada Lembaga dan Anggota Koperasi tujuh (7) sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

**PENCATAT MINIT :**

1. PN. WAN ROSNIDA BT WAN IBRAHIM
2. PN. NOR ADILA BT RAZALI

**TANDATANGAN PENERUSI MESYUARAT:**



HJ. MOHAMAD B JUNUS (005968)

**TANDATANGAN SETIAUSAHA MESYUARAT:**



MOHD ZURHAN B NORDIN (013582)